JALAN PEJABAT, 83000 BATU PAHAT, JOHOR
FAKS : 07 432 1164 | TEL : 07 434 1045 / 07 431 0006 / 07 431 0008




ms 13 LAWATAN INSPEKTORAT PIHAK BERKUASA TEMPATAN

JULAI - DISEMBER
# 2016

ms 05 FIT MALAYSIA 2016

ms 06 JAMUAN MUAFAKAT AIDILFITRI

ms 09 SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN

info@mpbp.gov.my
www.mpbp.gov.my

مجليس ڤربندرن باتو ڤاهت

# BULETIN MPBP

MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT

# ISI KANDUNGAN


03 PERUTUSAN YDP

04 MAJLIS KHATAM ALQURAN 1437 HIJRIAH

05 FIT MALAYSIA 2016

06 JAMUAN MUAFAKAT AIDILFITRI

07 KONVESYEN AHLI-AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN

08 MAJLIS PELANCARAN PELAN TRANSFORMASI PBT, PELANCARAN PELAN STRATEGIK PBT 2016-2020, COFFEE TABLE BOOK DAN PENYERTAAN AWAM DALAM PEMBANGUNAN MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT

09 SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN PERINGKAT DAERAH

10 ANUGERAH KECEMERLANGAN 2016 & ANUGERAH KHAS

GALERI ANUGERAH KECEMERLANGAN 2016 11

HARI KEBANGSAAN 2016 12

LAWATAN INSPEKTORAT PIHAK BERKUASA TEMPATAN 13

PROGRAM CSR INTAN 14

LAWATAN KERJA Y.B EXCO PELANCONGAN 15

PROGRAM MENONTON WAYANG YAYASAN PENGGARAM BATU PAHAT 16

MAJLIS PENYERAHAN PUSAT BANDAR KAMUNITI (PKB) 16

FIT MALAYSIA (SATU JABATAN SATU SUKAN) 17

PROGRAM GERAK MESRA 2016 18


## SIDANG EDITOR


*Penaung :* *Tuan Haji Ramli Bin Abdul Rahman*
*( Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat )*

*Penasihat :* *En. Mohd Farid Bin Hassan*
*( Setiausaha Majlis Perbandaran Batu Pahat )*

*Sidang Pengarang :*
1. *Puan Rosnaleza Bt Tugiman*
2. *Puan Saidatul Malaliza Bt Saidali*
3. *En. Ibrahim Bin Md Rasip*
4. *Puan Nur Hirdatul Aini Bt Md Tahir*

*Rekaan Grafik :* *Unit Perhubungan Awam dan Korporat*

*Fotografi :* *En. Mohd Saharuddin Bin Mohd Taib*



Majlis Perbandaran
Batu Pahat
Jalan Pejabat
83000 Batu Pahat

Tel : 07 - 433 3658
07 - 433 3144
Fax : 07 - 432 1164


Sidang Redaksi Buletin MPBP amat mengalu-alukan sumbangan idea dan penulisan daripada wargakerja dan orang ramai dalam penerbitan Buletin MPBP. Sebarang idea bolehlah dikemukakan di :-



# PERUTUSAN YDP

**ASSALAMUALAIKUM W.B.T**

Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim dan alhamdulillah, saya mulakan bicara saya pada edisi kali ini. Bersyukur saya kehadrat Ilahi kerana dengan izinnya dapat saya mencoretkan sesuatu kepada pembaca setia Buletin MPBP.

Edisi kali ini memaparkan pelbagai bentuk program yang telah dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat yang melibatkan kerjasama pelbagai pihak terdiri daripada badan kerajaan, sektor swasta, Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP), Ahli Majlis dan penduduk sekitar Batu Pahat. Selain untuk merapatkan lagi hubungan dan kerjasama di antara pelbagai pihak, program-program ini juga merupakan salah satu platform untuk mendedahkan kepada masyarakat berkenaan peranan Majlis Perbandaran Batu Pahat.

Justeru itu adalah menjadi harapan saya agar semua pihak dapat mengekalkan komitmen dan kerjasama yang telah dibina selama ini bagi memastikan setiap perancangan dapat direalisasikan ke arah mewujudkan perbandaran yang Maju dan Sejahtera. Pelbagai program dan aktiviti kepada seluruh warga Batu Pahat akan diteruskan dengan mengambil kira keperluan-keperluan dan kehendak semasa.

Sepanjang tahun 2016, pelbagai pengalaman telah ditimba dan pelbagai kejayaan telah dicipta oleh warga Majlis Perbandaran Batu Pahat. Tahniah dan terima kasih di atas komitmen dan sokongan padu yang ditunjukkan oleh seluruh warga MPBP. Ini secara tidak langsung dapat menaikkan lagi imej Majlis Perbandaran Batu Pahat kepada masyarakat. Saya berharap momentum dan prestasi ini dapat diteruskan lagi di dalam tahun 2017 dan tahun-tahun berikutnya.

Akhir kata, saya ingin mengalu-alukan kepada seluruh warga MPBP dan juga warga Batu Pahat untuk memberi pandangan dan cadangan supaya penambahbaikan perkhidmatan dari semasa ke semasa dapat dilaksanakan dan dinikmati secara bersama. Semoga Batu Pahat sentiasa dalam rahmat Allah SWT dan sehingga bertemu lagi dalam keluaran akan datang.

Sekian, terima kasih.

***BERSAMA MPBP "MAJU DAN SEJAHTERA"***

**HAJI RAMLI BIN ABDUL RAHMAN**
*YANG DIPERTUA*
*MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT*





# MAJLIS KHATAM ALQURAN 1437 HIJRIAH

Bersempena bulan Ramadhan yang mulia, Majlis Perbandaran Batu Pahat telah mengambil peluang untuk menganjurkan Majlis khatam Al-Quran pada 3 Julai 2016. Turut menjayakan majlis khatam tersebut ialah Tuan Yang Dipertua, Tuan Setiausaha serta beberapa orang wargakerja yang dipilih. Turut sama hadir ialah Ahli- Ahli Majlis Perbandaran Batu Pahat. Sementara menunggu waktu berbuka puasa, pihak majlis telah mengundang penceramah jemputan bagi menyampaikan tazkirah.

Hadirin kemudiannya berbuka puasa bersama-sama diikuti dengan majlis solat maghrib berjemaah sebelum majlis bersurai.

















# FIT MALAYSIA 2016

Pada 30 Julai 2016 Sambutan Hari Fit Malaysia peringkat Negeri Johor telah diadakan di Stadium Batu Pahat. Hadir merasmikan program tersebut ialah YB. Brig Jen Khairy Jamaludin Abu Bakar, Menteri Belia dan Sukan Malaysia. Hadir bersama ialah YB Dato' Zulkurnain Kamisan, Exco Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan Negeri Johor. Pelbagai acara menarik dipertandingkan bersempena dengan sambutan tersebut yang mana telah dikelolakan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor dan Pejabat Belia dan Sukan Daerah Batu Pahat.






# JAMUAN MUAFAKAT AIDILFITRI MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT

Pada tarikh yang sama 30 Julai 2016, diadakan juga Sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat Majlis Perbandaran Batu Pahat di Kediaman Rasmi Yang Dipertua. Sambutan dimeriahkan dengan kehadiran Pegawai-Pegawai Jabatan Daerah, Ahli Majlis, Pemerhati, Ex Officio, serta warga kerja Majlis Perbandaran Batu Pahat dan keluarga. Pelbagai hidangan telah disajikan bagi menjamu tetamu yang hadir.









# KONVESYEN AHLI-AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI JOHOR SESI 2016 / 2017





Konvensyen Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan peringkat Negeri Johor bagi sesi 2016/2017 telah diadakan di Persada Johor pada 7-9 Ogos 2016. Seramai 24 orang Ahli Majlis Perbandaran Batu Pahat menghadiri Konvensyen anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor ini.

Konvensyen yang berlangsung sepanjang 3 hari ini mengupas pelbagai isu serta penambahbaikan. Turut diadakan juga ialah Majlis Pelancaran Hari Terbuka Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan "PBT Di Hati Rakyat" Negeri Johor.






# MAJLIS PELANCARAN PELAN TRANSFORMASI PBT, PELANCARAN PELAN STRATEGIK PBT 2016-2020, COFFEE TABLE BOOK DAN PENYERTAAN AWAM DALAM PEMBANGUNAN MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT

Pada 18 Ogos 2016, telah diadakan Majlis Pelancaran Pelan Transformasi PBT,Pelancaran Pelan Strategik PBT 2016-2020, Coffee Table Book Dan Penyertaan Awam Dalam Pembangunan Majlis Perbandaran Batu Pahat.

Pelan strategik MPBP 2016-2020 ini merupakan sebuah dokumen yang menjelaskan hala tuju dan perancangan MPBP bagi tempoh 5 tahun mulai 2016. Sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berstatus perbandaran, semestinya perkhidmatan yang berkualiti dan keberkesanan program yang dirancang adalah menjadi tumpuan utama dalam Pelan Strategik PBT 2016-2020.





Pelan Strategik PBT 2016 - 2020 turut mengemukakan fasa pelaksanaan yang menjadi tanggungjawab jabatan dan bahagian yang kemudiannya akan dinilai pada setiap tahun untuk menjelaskan pencapaian yang sebenarnya. Berpandukan kepada 4 Objektif Strategik dan 4 Pelan Tindakan yang dihasilkan melalui analisis persekitaran dan pencapaian yang lalu, Pelan Strategik MPBP 2016-2020 meletakkan indikator dan tahun sasaran sebagai alat piawaian untuk mengukur dan mentafsirkan semua pelaksanaannya.

Menerusi pemantauan ia dapat membantu MPBP untuk membuat penilaian mengetahui kekurangan serta kelemahan yang wujud dan seterusnya melaksanakan penambahbaikan yang diperlukan.



Manakala coffee table book pula, merupakan buku berinformasi mengandungi maklumat Pelancongan Batu Pahat, Warisan & Kebudayaan, Pantai-pantai, Taman Rekreasi dan Hiburan, Citarasa Batu Pahat serta disokong dengan ilustrasi dan fotografi menarik yang boleh menjadi satu media perkongsian informasi serta promosi kepada orang ramai.





# SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN PERINGKAT DAERAH BATU PAHAT

Pada 30 Ogos 2016 telah diadakan Sambutan Malam Ambang Merdeka di Dataran Penggaram Batu Pahat. Hadir merasmikan program tersebut ialah YB Tuan Haji Ismail Bin Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor. Turut hadir ialah YBhg. Tuan Haji Ab Han bin Ramin, Pegawai Daerah Batu Pahat, Tuan Haji Ramli bin Abd Rahman, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat, YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, ADUN Kawasan Senggarang dan isteri, Ahli –Ahli Majlis Perbandaran Batu Pahat dan Ketua-Ketua Jabatan Majlis Perbandaran Batu Pahat.

Selepas ucapan perasmian, persembahan pada malam itu diserikan dengan persembahan kebudayaan pelbagai kaum di bawah pimpinan Majlis Kebudayaan Daerah Batu Pahat dan juga persembahan artis jemputan. Selain itu juga terdapat persembahan deklamasi sajak patriotik.

Tepat detik jam 12.00 malam, Lagu Negaraku berkumandang disusuli dengan Laungan Merdeka, diiringi percikan bunga api.










## *Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015*

- Muhammad Khairudeen Bin Zakaria
- Tablah Binti Sh Saleh
- Anita Binti Anim
- Nadzrah Binti Ismail
- Hamidah Binti Khamis
- Siti Norlaila
- Siti Norsaliza Binti Mokhtar
- Nur Hirdatul Aini Binti Md Tahir
- Abd Karim Bin Ahmad
- Hamadi Bin Kamson
- Mohd Fathulah Bin Hj Ali
- Joha Bin Mohamed
- Daud Bin Wahid
- Asri Bin Baser
- Nurhanani Binti Muhamad @ Hadzir
- Faridah Binti Adanan
- Kamaruddin Bin Tabarani
- Mohd Dzulkeffli Bin Md Zain
- Muhammad Bin Abdullah
- Mohd Norman Bin Hosrin @ Kosrin
- Mohd Halil Bin Othman
- Azizah Binti Jamal
- Shaaban Bin Abdullah
- Mohd Zin Bin Salleh
- Mohd Nadzry Bin Shamsuddin
- Mohd Razif Bin Abd Karim
- Samsudin Bin Sha'aran
- Saidatul Malaliza Binti Saidali
- Fatimah Binti Abu
- Saharudin Bin Mohd Taib

## *Anugerah Khas*

- Mohd Othman Bin Tegoh
- Hassanuddin Bin Mokhtaram
- Abdull Naser Bin Hashim
- Asnan Bin Tokimin
- Ahmad Radzi Bin Rapep
- Nor Hisham Bin Mohamad
- Nor Rahman Bin Maskat
- Mahbob Bin Daim
- Norizah Binti Abd Kadir
- Mohd Irwan Bin Md Yamin
- Mohd Shahrul Bin Hj Abdul Satar
- Suliman Bin Wahid
- Mohd Huzairi Bin Abdullah
- Norazhan Bin Nordin
- Idris Bin Mohamad






22 Sept. 201




ajlis Anugerah

























# SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN YANG KE 59


















Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Daerah Batu Pahat telah diadakan di Stadium Batu Pahat. Hadir merasmikan Sambutan Hari Kebangsaan peringkat Daerah Batu Pahat bagi tahun 2016 ialah YB Tuan Haji Ismail Bin Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor.

Majlis bermula dengan perarakan masuk kontigen - kontigen perbarisan kemudian diikuti dengan ucapan oleh YB Tuan Haji Ismail Bin Mohamed serta penyampaian hadiah-hadiah pertandingan.

Bersempena Hari Kebangsaaan bagi tahun 2016 juga, Kelab Bunga Tanjung MPBP telah menaja hadiah-hadiah cabutan elektrik untuk kakitangan Majlis Perbandaran Batu Pahat serta keluarga wargakerja yang hadir bersama-sama memeriahkan Sambutan Hari Kebangsaaan Peringkat Daerah Batu Pahat.

Majlis Cabutan dan Penyampaian hadiah tersebut telah diadakan di Jabatan Landskap Majlis Perbandaran Batu Pahat yang terletak berhampiran dengan Stadium Batu Pahat yang mana telah disempurnakan oleh ketua-ketua Jabatan Majlis Perbandaran Batu Pahat dan Jawatankuasa Kelab Bunga Tanjung MPBP.

Bersempena sambutan ini juga, MPBP telah memenangi tempat pertama Perbarisan Kategori Jabatan Kerajaan sekaligus memenangi tempat pertama Pakaian Terbaik dan Naib Johan pertandingan Sepanduk.





# LAWATAN INSPEKTORAT PIHAK BERKUASA TEMPATAN (STAR RATING) KE MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT

Pada September 2016 yang lalu Majlis Perbandaran Batu Pahat telah dihadiri oleh juruaudit-juruaudit dari Bahagian Dasar dan Inspektorat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Putrajaya yang diketuai oleh En Yang Asri bin Haduddin@Imadudin (Ketua Penolong Setiausaha Cawangan Dasar dan Inspektorat 2 KPKT.

Juruaudit lain yang turut hadir ialah Puan Nor Azhan binti Ahmad (Penolong Setiausaha Kanan Cawangan Dasar dan Inspektorat 1 KPKT, En Muhammad Fikri bin Karmajaman @ Kamarzaman (Penolong Setiausaha Kanan Cawangan Dasar dan Inspektorat 2, KPKT), En Adi Azlan bin Ahmad Othman ( Ketua Penolong Setiausaha Cawangan Dasar dan Inspektorat 3, KPKT).

Majlis Perbandaran Batu Pahat telah dianugerahkan Penarafan 5 Bintang. Tahniah diucapkan kepada Pengurusan dan seluruh warga kerja Majlis Perbandaran Batu Pahat di atas komitmen dan semangat bekerjasama yang diberikan.










# PROGRAM CSR INTAN KAMPUS WILAYAH SELATAN DAN MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT










Pada 8 November 2016, telah diadakan Program Khidmat Masyarakat (CSR) bersama peserta Kursus Penyeliaaan Berkesan bil 4/2016 IKWAS Kampus Wilayah Selatan, di Tasik Y Batu Pahat.

Kursus dengan kerjasama Jabatan Landskap Majlis Perbandaran Batu Pahat ini melibatkan lebih kurang 40 orang peserta kursus.

Majlis dimulakan dengan sesi senamrobik dan diteruskan dengan majlis ucapan oleh wakil peserta dan juga merupakan pengerusi program.

Seterusnya majlis diteruskan dengan program gotong royong membersihkan kawasan Tasik Y dan program menanam pokok oleh peserta kursus.

Selesai majlis gotong-royang peserta berehat sebentar sebelum majlis diteruskan lagi dengan sesi penyampaian taklimat penggunaan baja EM (Effective Microorganism) oleh wakil dari Jabatan Landskap Majlis Perbandaran Batu Pahat, Puan Siti Fatimah Badron.

# LAWATAN KERJA Y.B EXCO PELANCONGAN KE DAERAH BATU PAHAT





Pada 8 Disember 2016 yang lalu, YB Exco Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri Johor, Datuk Tee Siew Kiong telah mengadakan lawatan kerja ke Daerah Batu Pahat.

Bermula di Pejabat Daerah Batu Pahat. YB Datuk telah berkesudian menyampaikan ucapan. Majlis diteruskan dengan sesi taklimat sebelum lawatan dimulakan ke Kampung Bintang melawat perusahaan madu kelulut.

Lawatan seterusnya ke Pantai Minyak Beku. Di lokasi ini taklimat pembangunan Pantai Minyak Beku disampaikan oleh Setiausaha Majlis Perbandaran Batu Pahat. Seterusnya, lawatan diteruskan lagi ke Pantai Sungai Lurus, yang mana taklimat telah disampaikan oleh Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Batu Pahat dan berehat sebentar bagi menikmati jamuan makan tengahari sebelum meneruskan lawatan ke Sawah Sagil Air Hitam.










## PROGRAM MENONTON WAYANG YAYASAN PENGGARAM BATU PAHAT BERSAMA KANAK-KANAK PDK DAERAH BATU PAHAT

Yayasan Penggaram Batu Pahat bersama Pejabat Kebajikan Daerah Batu Pahat telah menganjurkan program menonton wayang bersama kanak-kanak PDK Daerah Batu Pahat pada 13 Disember 2016 di Panggung MBO, BP Mall.

Seramai lebih kurang 60 orang kanak-kanak PDK dari sekitar daerah Batu Pahat telah menyertai program ini. Program ini turut disertai oleh pelatih-pelatih PDK, pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pegawai-Pegawai dari Majlis Perbandaran Batu Pahat.



# MAJLIS PENYERAHAN PUSAT KOMUNITI BANDAR (PKB)

Pada 29 Disember 2016, bersempena Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Batu Pahat telah diadakan Majlis Penyerahan Pusat Komuniti Bandar (PKB). Majlis disempurnakan oleh Tuan Haji Ramli bin Abdul Rahman, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat disaksikan semua Ahli Majlis, Pegawai Unit Kesejahteraan Bandar serta Ketua-ketua Jabatan Majlis Perbandaran Batu Pahat. En Mohd Zin bin Tabri, Pengerusi Jawatankuasa Perwakilan Penduduk Zon 9 hadir menandatangani Aku Janji Penyerahan CUBE tersebut.

Untuk makluman Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah membina 70 Pusat Komuniti Bandar (CUBE) di seluruh Negara bagi kegunaan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP). Pihak Kementerian telah memperuntukkan sebanyak 7.7 juta bagi merealisasikan CUBE termasuk pembelian kelengkapan asas seperti komputer, perabot dan lain-lain. Lokasi Pusat Komuniti Bandar bagi kawasan pentadbiran MPBP ialah di Taman Sri Sulong, Parit Sulong.



# FIT MALAYSIA

## SATU JABATAN SATU SUKAN





Bersempena Sambutan Hari Fit Malaysia 2016 juga, setiap Jabatan diminta untuk menganjurkan satu jenis sukan di peringkat jabatan masing-masing. Majlis Perbandaran Batu Pahat dan Jabatan Kerja Raya Daerah Batu Pahat telah bergabung menganjurkan senamrobik pada 9 Oktober 2016. Semua wargakerja Majlis Perbandaran Batu Pahat dan juga wargakerja Jabatan Kerja Raya Daerah Batu Pahat telah menyertai senamrobik tersebut. Bagi memeriahkan majlis pada pagi tersebut, turut diadakan juga cabutan berhadiah barangan eletrik berjenama.





# *PROGRAM GERAK MESRA 2016*

| ZON | AHLI MAJLIS | KAWASAN | | TARIKH |
|---|---|---|---|---|
| 1. | ***Pengerusi :*** En. S. Maniseelan A/L N. Subramaniam ***Timbalan Pengerusi :*** Pn. Hjh Haliza bt. Abdullah | a) Taman Nira<br>b) Taman Batu Pahat<br>c) Taman Damai<br>c) Taman Damai 2<br>e) Taman Damai 3 | f) Taman Dato' Abdul Rahman Jaafar<br>g) Taman Makmur<br>f) Taman Tai Huat | - 26 Disember 2016<br>- Dewan Jubli Intan |
| 2. | ***Pengerusi :*** En. Ter Hwa Kwong ***Timbalan Pengerusi :*** En. Zaidi Bin Japar | a) Taman Banang<br>b) Taman Emas<br>c) Taman Kurnia<br>c) Taman Putera | | - 26 Disember 2016<br>- Dewan Jubli Intan |
| 3. | ***Pengerusi :*** En. Zaidi Bin Japar ***Timbalan Pengerusi :*** En. Kang Beng Kuan | a) Pekan Bukit Pasir<br>b) Taman Indah<br>c) Taman Sri Wangi<br>c) Taman Cemerlang<br>e) Taman Hajjat<br>f ) Taman Bilal<br>g) Taman Sri Idaman<br>i) Taman Melodi<br>j) Taman Kemunting<br>k) Taman Sri Mulia | l) Taman Mulia Jaya<br>m)Taman Seroja<br>n) Taman Cemerlang Jaya<br>o) Taman Desa Cemerlang<br>p) Taman Sri Berlian<br>q) Taman Sri Berlian 2<br>r) Taman Bilal Jaya<br>s) Taman Seroja Jaya<br>t) Taman Seri Berkat<br>u) Taman Setia Harmoni | - 26 Disember 2016<br>Dewan Jubli Intan |
| 4. | ***Pengerusi :*** En. Soh Lip Yan ***Timbalan Pengerusi :*** En. Nordin Bin Mohamed | a) Pekan T/ Pecah Selatan<br>b) Kaw. Perindustrian T/ Pecah<br>c) Taman Maju<br>c) Taman Puteri Indah<br>e) Taman Flora Utama<br>f) Taman Tasek<br>g) Taman Permata<br>h) Taman Taman Tasek 2 | i) Taman Puteri Indah<br>j) Taman Puteri Indah 2<br>k) Taman Putera Jaya<br>l) Taman Putera 2<br>m) Taman Puteri<br>n) Taman Puteri Jaya<br>o) Taman Puteri Jaya 2<br>p) Taman Puteri Emas<br>q) Taman Kapal Layar<br>r) Taman Emas Jaya | - 28 Oktober 2016<br>- Taman Setia Jaya |
| 5. | ***Pengerusi :*** En. Nordin Bin Mohamed ***Timbalan Pengerusi :*** En. Soh Lip Yan | a) Pekan Tongkang Pecah<br>b) Taman Santalia<br>c) Taman Anggerik<br>c) Taman Bandar Putera Indah<br>e) Taman Bunga Raya<br>f ) Taman Bintang Emas | g) Taman Bistari<br>h) Taman Harmoni<br>i) Taman Koperasi Jaya<br>j) Taman Linau<br>k) Taman Wiramas 1 & 2 | - 24 Disember 2016<br>- Surau Annur Tongkang Pechah |
| 6. | ***Pengerusi :*** En. Khoo Tian Sing @ Khoo Tian Seng ***Timbalan Pengerusi :*** En. Mohd Fared Bin Mohd Khalid | a) Pasar Awam<br>b) Jalan Shahbandar | | - 15 Disember 2016<br>- Dewan Terbuka Rumah Pangsa, Jalan Pantai |
| 7. | ***Pengerusi :*** En. Kang Beng Kuan ***Timbalan Pengerusi :*** En. Zaidi Bin Japar | a) Pusat Bandar<br>b) Taman Sejahtera<br>c) Jalan Abu Bakar<br>c) Taman Jonang | | - 26 Disember 2016<br>- Dewan Jubli Intan<br>- Program Back To School |
| 8. | ***Pengerusi :*** En. Mohd Fared Bin Mohd Khalid ***Timbalan Pengerusi :*** En. KhooTian Sing @ KhooTianSeng | a) Pekan Semerah<br>b)Taman Bendahara<br>c)Taman Peserai<br>c)Taman Warisan | e)Taman Sri Molek<br>f) Taman CahayaPurnama<br>g) Taman Seri Fajar | - 17 Januari 2016<br>- Dewan Jubli Intan Batu Pahat |
| 9. | ***Pengerusi :*** En. Elias Bin Ismail ***Timbalan Pengerusi :*** En. Lim Chai Kui | a) Taman Seri Sulong, Peserai<br>b) Kaw Perindustrian Seri Sulong | c) Taman Simpang Lima<br>d) Taman Peserai Indah<br>e) Taman Peserai Jaya<br>f) Taman Peserai | - 3 Jun 2016<br>- Taman Sri Sulong |
| 10. | ***Pengerusi :*** En. Lim Chai Kui ***Timbalan Pengerusi :*** En. Elias Bin Ismail | a) Kampung Satay<br>b) Taman Joseph<br>c) Taman Ampuan<br>c) Taman Pantai<br>e) Taman Pantai Baru | f) Taman Sri Pantai<br>g) Rumah Pangsa Jalan Pantai<br>h) Taman Perindustrian Murni | - 24 Disember 2016<br>- Pasar Borong Kota Kemuning |
| 11. | ***Pengerusi :*** Pn. Hjh Haliza bt Abdullah ***Timbalan Pengerusi :*** Tn. Hj Abdullah Bin Hj Ishak | a) Taman Soga<br>b) Taman Dagang<br>c) Taman Banang Heights<br>c) Taman Banang Ria | e) Taman Soga 2<br>f) Taman Ampang Jaya<br>g) Taman Ampuan<br>h) Taman Desa Ampuan | - 15 Disember 2016<br>- The Summit Batu Pahat |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **12.** | ***Pengerusi :***<br>En. Suhairi Bin Mahful<br>***Timbalan Pengerusi :***<br>En. Soh Thiam Hock | a) Jalan Tanjung laboh<br>b) Taman Bancar<br>c) Taman Banang Jaya<br>d) Kaw. Perind. Wawasan<br>e) Taman Bukit Flora | f) Taman Bukit Flora 2<br>g) Taman Banang Jaya<br>i) Taman Tanjung Indah<br>j) Taman Evergreen Heights | - 24 Disember 2016<br>- Taman Bukit Flora |
| **13.** | ***Pengerusi :***<br>Tn. Hj Ja'affar Bin Hashim<br>***Timbalan Pengerusi :***<br>En. Ter Hwa Khong | a) Pekan Senggarang<br>b) Taman Senggarang Cahaya<br>c) Taman Senggarang<br>d) Taman Senggarang 2<br>e) Taman Sri Mewah<br>f) Taman Aikka<br>g) Taman Nagaria 1<br>h) Taman Nagaria 2<br>i) Taman Nagarai 3 | j) Taman Jasa<br>k) Taman Sri Senggarang<br>l) Taman Sri bahagia<br>m)Taman Sri Senggarang 2<br>n) Taman Sri Raya<br>o) Taman Bestari<br>p) Medan Bunga Cempaka Baru<br>q) Taman Senggarang Damai | - 14 Mei 2016<br>- Pekan Senggarang |
| **14.** | ***Pengerusi :***<br>Pn. Teo Siau Pei<br>***Timbalan Pengerusi :***<br>Tn. Hj Mohamad Bin Othman | a) KawasanRengit Barat<br>b)Taman Pandan Jaya 1<br>c)Taman Pandan Jaya 2 | d)Taman Rengit<br>e)Taman Rengit Jaya<br>f) Taman Rengit Indah | - 17 September 2016<br>- Dewan Chong Hwa High School Rengit |
| **15.** | ***Pengerusi :***<br>Pn. Yap ChiewPeng<br>***Timbalan Pengerusi :***<br>Tn. Hj Abdullah Bin Ishak | a) Kawasan Simpang Rantai<br>b) Taman Tanah Merah<br>c) Taman Perdana<br>d) Gunong Soga | | - 31 Disember 2016<br>- Dewan Terbuka Kampung Merdeka |
| **16.** | ***Pengerusi :***<br>En. Alvin Teo Wee Chong<br>***Timbalan Pengerusi :***<br>En. Suhairi Bin Mahful | a) TamanBukitPerdana<br>b) TamanLimPoon<br>c) Taman Kemajuan | d) Taman Sri Penggaram<br>e) Taman Bukit Perdana 2<br>f) Taman Orchard Heights | - 9 April 2016<br>- Taman Sri Penggaram |
| **17.** | ***Pengerusi :***<br>En. Soh Thiam Hock<br>***Timbalan Pengerusi :***<br>Tn. Hj Ja'affar Bin Hashim | a) Kampung Merdeka<br>b) Taman Koperasi Bahagia<br>c) Taman Bukit Pasir<br>d) Taman Murni | e) Taman Flora<br>f ) Kampung Istana<br>g) Kg Kenangan Dato' Onn 1 & 2<br>h) Taman Miri | - 31 Disember 2016<br>- Dewan Terbuka Kampung Merdeka |
| **18.** | ***Pengerusi :***<br>En. Teo Yew Chuan<br>***Timbalan Pengerusi :***<br>En. Supa'at Bin Salikin | a) Taman Megah<br>b) Kaw Perind. Sri Gading<br>c) Pekan Sri Gading<br>d) Taman Mutiara<br>e) Taman Ria Jaya<br>f) Tmn Sri Panchor<br>g) Taman Bahagia<br>h) TmnPanchorJaya<br>i) Taman Pura Kencana | j) Taman Peri<br>k) Taman Pertama<br>l) Taman Gading<br>m)Tmn Gading Emas<br>n) Tmn Gading Jaya<br>o) Tmn Sri Mutiara<br>i) Tmn Jaya<br>j) Tmn Setia Jaya | - 24 Disember 2016<br>- Dewan Serbaguna Taman Maju |
| **19.** | ***Pengerusi :***<br>En. Supa'at bin Salikin<br>***Timbalan Pengerusi :***<br>En. Teo Yew Chuan | a) Pekan Parit Raja<br>b) Taman Robena<br>c) Taman Kristal | d) Tmn Kelisa Jaya<br>e) Tmn Parit Raja II<br>f ) Taman Manis | 24 Disember 2016<br>- Dewan Serbaguna Taman Maju |
| **20.** | ***Pengerusi :***<br>Pn. Norhanim Binti Monadam<br>***Timbalan Pengerusi :***<br>En. Teo Yew Chuan | a) Taman Universiti<br>b) Kaw. Perind Parit Raja<br>c) Taman Melewar<br>d) Taman Wira<br>e) Taman Maju<br>f) Taman Sedap<br>g) Taman Sri Indah<br>h) Taman Parit Raja 1<br>i) Taman Manis 1<br>j) Taman Manis 2<br>k) Taman Wira Jaya<br>l) Taman Melewar 2<br>m)Taman Lundang<br>n) Taman Kristal 2<br>o) Taman Rona | p) Taman Maju Baru<br>q) Taman Melewar 3<br>r) Taman Siswa Jaya 1<br>s) Taman Siswa Jaya 2<br>t) Taman Permai<br>u) Taman Gemilang<br>v) Taman Budiman<br>w) Taman Waja<br>x) Taman Impian<br>y) Taman Sri Raja<br>z) Taman Sri Indah<br>aa) Taman Kenangan Indah<br>ab) Taman Intan<br>ac) Kampung Tradisonal | 26 Jun 2016<br>- Taman Rona Parit Raja |
| **21.** | ***Pengerusi :***<br>En. Murugan A/L A Shahmugam<br>***Timbalan Pengerusi :***<br>Encik Mohd Hafiz @ Khafid Bin Hasbi | a) Parit Imam<br>b) Jalan Kluang<br>c) Taman Sentosa<br>d) Taman Pasifik Selatan<br>e) Taman Sri Saga<br>f ) Taman Beroleh<br>g) Taman Budaya<br>h) Taman Sri Jaya | i ) Taman Cempaka Putih<br>j) Taman Perindustria Plus<br>k) Taman Ros<br>l) Taman Orkid<br>m)Taman Desa<br>n) Taman Alamanda<br>o) Taman Intan | - 27 Oktober 2016<br>- Batu Pahat Mall |


Program Gerak Mesra Ahli Majlis






Program Gerak Mesra Ahli Majlis




Program Gerak Mesra Zon 15 Sempena
Sambutan Perayaan Pesta Tanglung










Santai Anak Muda
Indoor Games Challenger


發言時顧及友族感受





